



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - SELASA, 2 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JUMLAH MANGSA BANJIR DI PERAK BERKURANGAN, KELANTAN SEDIKIT MENINGKAT MALAM INI		NEUTRAL
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2378600	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	CABARAN KELUARGA, CERMINAN CABARAN NEGARA		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-cabaran-keluarga-cerminan-cabaran-negara-502835	ASTROAWANI.COM	
	https://harakahdaily.net/index.php/2025/01/01/cabaran-keluarga-cerminan-cabaran-negara-syahir/	HARAKAHDAILY.NET	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SUAMI ISTERI WARGA MYANMAR DITUDUH ANIAYA BAYI 10 BULAN HINGGA MAUT		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/suami-isteri-warga-myanmar-dituduh-aniaya-bayi-10-bulan-hingga-maut	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	UM DENIES LECTURER SUSPENDED FOR SEXUAL HARASSMENT STILL ON CAMPUS		NEGATIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1155207/um-denies-lecturer-suspended-sexual-harassment-still-campus	NST.COM.MY	
	https://www.malysiakini.com/news/730374	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/01/um-denies-suspended-don-at-centre-of-sexting-scandal-is-still-visiting-campus-as-claimed/161738	MALAYMAIL.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/01/01/um-nafi-pensyarah-digantung-tugas-kerana-tuduhan-gangguan-seksual-sudah-kembali-ke-kampus	MAJORITI.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
KHAMIS, 2 JANUARI 2025




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
UM: Tiada arahan minta pensyarah 'hantar gambar bogel' hadir ke kampus	4
Cabaran keluarga, cerminan cabaran negara – Syahir	2
Suami isteri warga Myanmar dituduh aniaya bayi 10 bulan hingga maut	1


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Seorang bayi lelaki ditemui di dalam kotak sebelum ditinggalkan di belakang kilang kek di Kempas. Bayi lelaki ditemui dalam kotak belakang kilang JOHOR</u>	2
<u>Kanak-kanak 10 tahun lemas ketika mandi kolam hotel</u>	1
<u>Lelaki dan wanita itu yang ketika kejadian merupakan pasangan suami isteri didakwa mendedahkan dan menganiaya seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun</u>	1

TAJUK TOPIK UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA

Mentions	Impressions	Interactions	Avg. influence score	Opinion leaders
604 ↓	24.48M ↓	21.22k ↓	5.2/10 ↑	112 ↓
-4.99% less than in previous period	-46.24% less than in previous period	-84.05% less than in previous period	0.88% more than in previous period	-37.43% less than in previous period


LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



Net sentiment
This is +5 points compared to the previous period.

Analyzed 604 mentions


- 164 with positive sentiment
- 152 with neutral sentiment
- 288 with negative sentiment



Mostly negative
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- UM: Tiada arahan minta pensyarah 'hantar gambar bogel' hadir ke kampus
- Suami isteri warga Myanmar dituduh aniaya bayi 10 bulan hingga maut
- Cabaran keluarga, cerminan cabaran negara – Syahir



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

CABARAN KELUARGA, CERMINAN CABARAN NEGARA LIPUTAN BERITA

- o MELANGKAH masuk tahun baharu 2025, kos sara hidup sememangnya menjadi isu besar di Malaysia, sekali gus mencerminkan realiti dan cabaran yang dihadapi ekonomi negara..
- o Hasil dapatan tinjauan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di penghujung 2024 wajar diberikan perhatian – mendedahkan 5 cabaran utama yang dihadapi setiap keluarga (isi rumah) di negara ini dalam mengharungi kehidupan harian mereka, iaitu:
- o **Kos Sara Hidup Tinggi:** Kenaikan kos sara hidup yang mendadak menambah tekanan kepada keluarga, terutama dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, perumahan, dan pengangkutan. Keadaan ini memberi cabaran besar kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, mahu pun yang diberhentikan kerja.
- o **Kos Membesarkan Anak-Anak Semakin Meningkat:** Kos yang semakin tinggi untuk membesarkan anak-anak, termasuk pendidikan, perubatan, dan aktiviti harian, turut menjadi beban kepada keluarga. Peningkatan perbelanjaan ini memerlukan perancangan kewangan yang lebih teliti.

CADANGAN

Kajian Cabaran Keluarga Semasa dengan melaksanakan kajian komprehensif mengenai cabaran yang dihadapi oleh keluarga moden di Malaysia, seperti tekanan kos sara hidup, konflik keluarga, dan impak teknologi. Dengan tindakan yang bersasar ini, cabaran keluarga yang mencerminkan isu negara dapat ditangani secara lebih menyeluruh dan efektif.

TINDAKAN

- LPPKN
- KPWKM
- JKM



Isu kos sara hidup yang mendadak menambah tekanan kepada keluarga, terutama dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, perumahan, dan pengangkutan. -Gambar hiasan/Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : RUJUK NADMA, JKM SELARAS AGIHAN BANTUAN BAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 2 JAN 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Rujuk NADMA, JKM selaras agihan bantuan bah



Nancy melawat ruang klinik pada majlis Jalinan Kasih LPPKN 2024 dan perasmian Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Pengerusi LPPKN, Datuk Seri Rohani Abdul Karim. (Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta yang ingin membantu mangsa banjir dinasihat merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) atau Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi menyelaraskan agihan bantuan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya menghargai inisiatif dan usaha murni dilakukan untuk membantu mangsa banjir, namun pelarasan perlu dibuat bagi memastikan agihan bantuan lebih tersusun dan menyeluruh.

Katanya, langkah itu bagi memudahkan agensi terbabit serta NGO atau swasta untuk mengatur pergerakan agihan bantuan terutama di kawasan terputus hubungan atau berdepan risiko keselamatan.

"Pihak NGO atau swasta juga dinasihatkan supaya bergerak melalui kerajaan dan tidak bekerja secara sendiri.

"Kita faham yang menjadi mangsa itu keluarga, rakan kita, tetapi kita perlu selaraskan.

"Hubungi NADMA, JKM atau pejabat daerah. Kita akan bantu selaraskan, kalau tanpa pemakluman kita juga tak dapat nak bantu kerana ada kawasan yang sukar diakses dan kita juga mahu tiada mangsa yang keciciran bantuan," katanya selepas menghadiri majlis Jalinan Kasih Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 2024 dan perasmian Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient (FPP), di sini semalam.

Nancy memberi jaminan, Kementerian menerusi JKM bersama NADMA akan memastikan agihan bantuan bencana diselaraskan sebaiknya bagi memastikan tidak berlaku keciciran bantuan.

"Koordinasi dengan semua agensi terbabit juga dibuat dengan teliti. Ini pendekatan menyeluruh kerajaan untuk membantu mangsa banjir.

"Setakat ini, juga tiada laporan keciciran bantuan yang ada kes

di Rantau Panjang (Kelantan) kerana lokasi menjadi pulau akibat banjir, namun kita sudah ditangani segera," katanya.

Atur bantuan, sukarelawan

Di Shah Alam, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata Selangor dalam perbincangan untuk menggerakkan sukarelawan negeri bagi membantu proses pembersihan pascabanjir di negeri yang terkesan dengan bencana itu.

Katanya, ketika ini pihaknya sedang berhubung dengan beberapa kementerian antaranya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi mengatur pergerakan bantuan dan sukarelawan.

Beliau sedang memuktamadkan perkara itu pada peringkat pentadbiran kerajaan negeri.

"Saya sudah mengadakan perbincangan awal untuk membantu proses pembersihan nanti selepas musim banjir. Kita akan buat bersama, terutama di Kelantan, Terengganu dan Kedah yang kita lihat kesannya amat buruk," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KELANTAN, TERENGGANU DAPAT DANA TAMBAHAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 2 JAN 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Kelantan, Terengganu dapat dana tambahan

PM beri jaminan kerajaan terus salur bantuan ringan beban mangsa banjir

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@bh.com.my

Setiu: Datuk Seri Anwar Ibrahim menganggarkan nilai kerugian akibat banjir ketika ini boleh mencecah RM1 bilion, terutama di Kelantan dan Terengganu yang teruk terkesan akibat bencana itu.

Serentak itu, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat akan terus menyalurkan bantuan bagi meringankan keperluan keluarga mangsa banjir serta peruntukan memperbai-

ki kemudahan asas yang terjejas.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan peruntukan tambahan segera untuk disalurkan kepada Kelantan dan Terengganu, masing-masing RM25 juta, susulan keadaan banjir yang serius di kedua-dua negeri itu.

"Untuk negeri lain kita sedang pantau, tidak mahu jadi salah faham akan ikut keperluan dan saya jangka jumlah keseluruhan (negeri terkesan banjir) mengalami (kerugian) banjir kali ini hampir mencecah RM1 bilion," katanya selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan, (SK) Kampung Telaga Papan, yang menempatkan 269 mangsa, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, peruntukan disalurkan melalui Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri



Anwar diiringi Ahmad Samsuri menyantuni mangsa di PPS SK Telaga Papan di Setiu, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

(JPM) itu akan digunakan untuk memperbaiki infrastruktur asas seperti jalan dan pementang, termasuk menaikkan aras jalan di Hulu Besut.

"Dari segi Kerajaan Persekutuan, seperti mana yang sudah diumumkan, kita akan beri seluruh kerjasama bantuan yang penuh.

"Untuk Kelantan dan Terengganu seperti mana yang kita umumkan, RM50 juta sudah diputuskan untuk disalurkan, kemudian saya dapat maklumat lagi mengenai keperluan-keperluan terakhir ini.

"Kita sudah lulus selain daripada RM50 juta itu, tambahan kerana nampak jumlah yang terkesan itu jauh lebih besar daripada unjuran awal.

"Ini kita tambah lagi RM25 juta yang saya umum hari ini (semalam), iaitu RM75 juta (untuk Kelantan dan Terengganu sahaja)," katanya.

Tak perlu isytihar darurat

Selain itu, Anwar berkata, tiada keperluan untuk mengisytiharkan darurat meskipun situasi banjir, terutama di Kelantan dan Terengganu semakin serius.

Beliau berkata, seluruh jentera pasukan keselamatan termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan seluruh jentera Persekutuan, negeri dan daerah mampu menangani ma-

salah bencana ini dengan baik.

"Jadi tidak ada keperluan sama sekali untuk diisytihar darurat," katanya.

Sejurus melawat mangsa di SK Telaga Papan, Anwar yang juga diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, turut meluangkan masa kira-kira 20 minit melawat mangsa banjir di PPS SK Mangkuk yang menempatkan 372 mangsa.

Dalam pada itu, Anwar mengumumkan bantuan khas kewangan RM500 kepada setiap penjawat awam negeri Terengganu.

Katanya, ia membabitkan lebih 14,000 penjawat awam Terengganu dengan peruntukan keseluruhan akan disalurkan kerajaan negeri Terengganu adalah sebanyak RM7.4 juta.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : COUNTRY ON ALERT FOR FLOODS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 2 JAN 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

NORTHEAST MONSOON

COUNTRY ON ALERT FOR FLOODS

Heavy rainfall, 4th round of inundations expected between Jan 5 and 9, says Nadma

HAKIM MAHARI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA is on high alert as it braces for the fourth phase of the flood season, which was anticipated by the National Disaster Management Agency (Nadma) to take place between Jan 5 and 9.

The northeast monsoon is forecast to bring heavy rainfall, heightening the risk of severe and widespread flooding, particularly in the east coast, and western and southern regions of Sarawak.

Nadma director-general Datuk Khairul Shahril Idrus said the monsoon had triggered five surges, four of which resulted in

heavy rainfall.

"Although some populated areas were not flooded, the authorities are fully prepared for potential disasters during this phase," he told the *New Straits Times*.

He said the northeast monsoon, which typically runs from November to March, posed a considerable flood risk. "We expect more episodes of heavy rainfall and are maintaining vigilance to mitigate the impact," he said.

The Malaysian Meteorological Department (Met-Malaysia) is monitoring weather patterns closely and will issue updates on any impending monsoon surges.

While heavy rain had already caused flooding in several states in earlier phases, Khairul said not all monsoon surges led to heavy rainfall in flood-prone areas.

Nadma, he said, had been

preparing for this critical phase since the conclusion of the 2023/2024 flood season.

"Preparations included training exercises with relevant agencies and non-governmental organisations (NGOs), ensuring the readiness of assets and responders, and equipping evacuation centres with food and healthcare assistance for flood victims.



Datuk Khairul Shahril Idrus

"We are also focusing on community engagement in flood-prone areas, improving facilities at evacuation centres, and addressing other critical issues to ensure a swift and effective response should floods occur," he said.

Nadma had also identified 256 critical slopes, which were closely monitored as part of proactive measures against landslides.

The Welfare Department's Info Bencana portal indicated that recent floods had led to an increase in evacuees in Selangor and Jo-

hor, although the figures remained manageable.

In his New Year message, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim reiterated the government's commitment to ongoing flood mitigation projects in high-risk areas.

Perak had seen a sharp increase in evacuees, which rose from 52 victims from 11 families on Dec 31, to 380 people from 77 families this afternoon.

In Kelantan, only one relief centre remained open at SK Gual Tok Deh in Rantau Panjang, housing 38 people from 10 families up to 5.30pm yesterday.

In Johor, 69 people from 17 families remained at two relief centres in Kota Tinggi district.

Of these, 42 victims from 12 families were staying at SK Gembut, whereas 27 victims from five families were housed at Balai Raya Kampung Perpat.

MetMalaysia previously issued an alert warning of continuous rain in Kelantan, Terengganu, Pahang, and Johor from Jan 4 to 6, with expectations of further heavy rainfall and potential flooding.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm  

TAJUK :	DUA LAGI KORBAN BANJIR DI KELANTAN	AKHBAR :	BERITA HARIAN
HARI :	KHAMIS	M/SURAT :	04&05
TARIKH :	2 JAN 2025	SEKTOR :	KPWKM
STONE :	NEGATIF		



Pemandangan udara keadaan sekolah yang ditenggelami banjir di Kampung Matang, Hulu Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kor/BER)

Dua lagi korban banjir di Kelantan

Warga emas lemas ketika sedang pantau tekanan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Muhaamad Hafis Nawawi, Zaid Salim, Siti Rohana Idris, Baharom Bakar, Mohd Rafi Mamat dan Hazira Ahmad Zaidi ibnews@ib.com.my

Kuala Lumpur: Banjir meragut nyawa dua lagi mangsa di Kelantan semalam memabatkan warga emas yang sedang memantau tekanan mereka masing-masing di Kampung Kuala Sat dan Kampung Gelang Gajah, Tumpat.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata kejadian kira-kira jam 8 pagi memabatkan mangsa berusia 72 dan 78 tahun.

Kes itu menjadikan korban banjir seramai lima orang di Kelantan setakat ini.

Mohd Yusoff dalam kejadian pertama memabatkan mangsa berusia 72 tahun di Kampung Kuala Sat yang dikatakan melihat

terakan lembunya di parit sebelum ditembak oleh ahli keluarga jam 8 pagi semalam.

"Kes kedua pula memabatkan mangsa berusia 78 tahun di Kampung Gelang Gajah ketika melihat kambangnya yang ditempatkan di rakit yang dipadatkan tempat perlindungan terakan itu.

"Mangsa lemas ketika memantau tekanan peliharaan itu

di rumah raki bersebelahan rumahnya dengan menaki perahu," katanya.

150,482 mangsa dipindahkan Sementara itu, banjir merebak ke 10 negeri semalam memabatkan 150,482 mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) daripada 41,336 keluarga.

Pahang menjadi negeri terbaru yang diliputi masalah itu memabatkan 1,152 mangsa daripada 50 keluarga yang ditempatkan di 20 PPS sehingga jam 6 petang semalam.

Menjelang lewat petang, sebanyak 672 PPS di bala di negeri Kelantan memabatkan mangsa paling ramai iaitu 96,57 orang

Pemindahan ke PPS dijangka berkurang

Shah Alam: Pemindahan mangsa banjir ke pusat pemindahan sementara (PPS) dijangka berkurang pada minggu depan susulan hujan akan berkurangan seperti diumumkan Jabatan Meteorologi (MetMalaysia).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata situasi semasa banjir di seluruh negara ketika ini khususnya di Kelantan dan Terengganu adalah membimbangkan, malah lebih teruk berbanding suasana banjir pada 2014.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya berharap ramalan dikemukakan MetMalaysia bahawa kuaran hujan akan berkurangan pada minggu depan akan jadi kenyataan.

"Luaran hujan menyebabkan akan berlaku pengurangan air banjir di daratan, namun kita yakin apabila luruan hujan itu berkurangan, ia akan mengurangkan pemindahan mangsa ban-

dir ke PPS," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan perasmian Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini, semalam.

Pada masa sama, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara berkata, kesiapsiagaan saja tidak mencukupi jika penduduk yang tinggal di kawasan dilanda banjir enggan mematuhi arahan diberikan untuk berpindah apabila keadaan bencana semakin buruk.

"Kita mempunyai kekuatan dan anggota di seluruh negara yang dimobilisasikan seramai lebih 42,000 orang dan PPS boleh diwujudkan bagi memuatkan 2.1 juta mangsa banjir.

"Kita tidak mahu jumlah kematian bertambah, maka kesiapsiagaan dan juga amaran awal itu mesti diikuti sepenuhnya supaya kita dapat elak kehilangan nyawa.



Lebuhraya PLUS Alor Setar-Itra ditutup kepada semua jenis kenderaan. (Foto Wan Nabil Nasir/BER)



Jalan Kampung Tujuh berdekatan Taman Sri Bayu, Tumpat yang terputus hujung. (Foto BERNAMA)



Penduduk di Taman Arena Kepayang Putra, Ipoh meredah air dan menyelamatkan harta benda. (Foto BERNAMA)

8,427 orang daripada 2,565 keluarga yang kini ditempatkan di 51 PPS. (Foto BERNAMA)



Angkatan Pertahanan Awam Daerah mengurangkan pemindahan mangsa banjir di daerah Bau, semalam. (Foto Ihsan APN/BER)

PENYAKIT BERJANGKIT KETIKA BANJIR

LEPTOSPIROSIS (Kencing Tikus)
Jangkitan bakteria yang tersebar melalui kontak dengan air kencing halwan terutama tikus dalam persekitaran selepas banjir. Gejala, termasuk demam, sakit kepala, otot dan ada kala loya, muntah serta sakit perut.

DEMAM DENGI
Disebabkan oleh nyamuk Aedes. Meringat dengan ketara selepas banjir disebabkan oleh pertambahan air bertakung yang menjadi tempat pembiakannya, serta hujan yang berlebihan sama ada musun menenggelamkan. Gejala seperti demam panas, sakit kepala, sakit otot dan sendi, dan muntah loya, muntah serta cirit-birit.

MALARIA
Bawaan nyamuk yang disebabkan oleh parasit Plasmodium terulama disebabkan melalui gigitan nyamuk betina (Anopheles) betina yang dijangkiti.

JANGKITAN SALURAN PERNAFASAN
Kerana persekitaran yang sesak dan pemakanan yang tidak sihat, serta kemudahan penularan kesihatan yang terhad menyumbang kepada peningkatan risiko.

DEMAM KEMALU (Hidrad)
Akibat dijangkiti bakteria spesifik Salmonella Typhi (S. Typhi). Bacteria ini dijumpai dalam sumber makanan, minuman, dan bekalan air yang telah dicemari.

DEMAM KEMALU (Hidrad)
Akibat dijangkiti bakteria spesifik Salmonella Typhi (S. Typhi). Bacteria ini dijumpai dalam sumber makanan, minuman, dan bekalan air yang telah dicemari.

DISENTRI
Selaras gastroenteritis, merujuk kepada jangkitan dan keradangan pada usus yang menyebabkan cirit-birit berdarah atau berlendir. Dua jenis disenteri iaitu yang berpunca daripada jangkitan bakteria (Bacillary dysentery) atau akibat jangkitan parasit (Amoebic dysentery). Contoh jangkitan disenteri yang paling diketahui adalah Escherichia coli (E. coli).

AMALAN KESEHATAN DAN KESELAMATAN DIRI SEMASA BANJIR

- Minum air sudah dimasak atau air minuman berbotol
- Jika makan buah, kupas kulitnya
- Larang anak-anak bermain air banjir
- Jaga kebersihan diri dan persekitaran
- Baki lula jika ceder
- Makan makanan yang sudah dimasak dan elak makan makanan mentah
- Jaga kebersihan dan keselamatan dalam mak
- Jangan merokok dan menghisap vape di pusat pemindahan sementara
- Pesakit kronik perlu patuh dengan arahan pasukan perubatan
- Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami demam, cirit-birit, muntah dan lain-lain masalah kesihatan

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FLOOD EVACUEES INCREASE IN PERAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 2 JAN 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Flood evacuees increase in Perak

KUALA LUMPUR: The number of flood evacuees in Kelantan and Johor remained unchanged as of yesterday morning while Perak recorded an increase.

In Kelantan, only one temporary relief centre remained open in Rantau Panjang, sheltering 31 evacuees from nine families at Sekolah Kebangsaan Gual Tok Deh.

The Department of Irrigation and Drainage said Sungai Golok in Rantau Panjang was at 9.8m, which is above the danger level of 9m.

In Johor, state Disaster Management Committee chairman Tan Sri Dr Azmi Rohani said 69 evacuees from 17 families were housed at two centres in the Kota Tinggi district.

In Perak, the committee secretariat reported a rise to 399 evacuees from 86 families, compared with 52 evacuees from 11 families on Tuesday.
– Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



[KOLUMNIS] Cabaran keluarga, cerminan cabaran negara

Syahir Sulaiman

01/01/2025 18:14 MYT



Kenaikan kos sara hidup yang mendadak menambah tekanan kepada keluarga, terutama dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, perumahan, dan pengangkutan. -Gambar hiasan/Bernama

MELANGKAH masuk tahun baharu 2025, kos sara hidup sememangnya menjadi isu besar di Malaysia, sekali gus mencerminkan realiti dan cabaran yang dihadapi ekonomi negara.

Hasil dapatan tinjauan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di penghujung 2024 wajar diberikan perhatian – mendedahkan 5 cabaran utama yang dihadapi setiap keluarga (isi rumah) di negara ini dalam mengharungi kehidupan harian mereka, iaitu:

- 1) Kos Sara Hidup Tinggi: Kenaikan kos sara hidup yang mendadak menambah tekanan kepada keluarga, terutama dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, perumahan, dan pengangkutan. Keadaan ini memberi cabaran besar kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, mahu pun yang diberhentikan kerja.
- 2) Kos Membesarkan Anak-Anak Semakin Meningkat: Kos yang semakin tinggi untuk membesarkan anak-anak, termasuk pendidikan, perubatan, dan aktiviti harian, turut menjadi beban kepada keluarga. Peningkatan perbelanjaan ini memerlukan perancangan kewangan yang lebih teliti.
- 3) Kurangnya Masa Melakukan Aktiviti Bersama Keluarga: Masalah kesibukan kerja dan komitmen lain menyebabkan masa yang dihabiskan bersama keluarga semakin berkurangan. Ini memberi kesan kepada kualiti hubungan dalam keluarga dan perkembangan emosi anak-anak.
- 4) Melakukan Dua Pekerjaan Untuk Menampung Keluarga: Untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat, ramai ibu bapa terpaksa melakukan dua pekerjaan atau bekerja lebih masa. Ini mengurangkan masa yang boleh diluangkan bersama keluarga dan menambah tekanan dalam kehidupan seharian.
- 5) Ketagihan Penggunaan Gajet: Penggunaan gajet seperti telefon pintar, komputer, dan media sosial juga mencatatkan peningkatan. Ketagihan terhadap gajet ini, dalam kalangan ibu bapa dan anak-anak, memberi kesan kepada interaksi sosial dalam keluarga dan boleh mengganggu keseimbangan kehidupan serta tumpuan dalam aktiviti harian.

Persoalannya, adakah cabaran yang dihadapi setiap keluarga di negara ini merupakan cerminan kepada cabaran ekonomi yang dihadapi negara?

Ya, pastinya setiap cabaran yang dihadapi oleh keluarga di Malaysia mencerminkan isu-isu struktural yang lebih besar dalam konteks sosio-ekonomi negara.

Jika diperhatikan, apabila ketua keluarga (ketua isi rumah) berdepan dengan kos sara hidup yang tinggi, kesukaran membesarkan anak-anak, serta kekurangan masa berkualiti.

Ini menunjukkan bahawa terdapat masalah ekonomi, sosial, dan teknologi yang mempengaruhi masyarakat dan negara secara keseluruhan.

- 1) Kos Sara Hidup Tinggi: Jika keluarga bergelut dengan kenaikan harga barang, ini juga mencerminkan cabaran negara dalam mengawal inflasi dan memastikan kestabilan ekonomi. Kerajaan perlu menangani isu ini dengan dasar yang dapat meringankan beban rakyat seperti subsidi, bantuan tunai dan kawalan harga barang.
- 2) Kos Membesarkan Anak-Anak: Keluarga menghadapi tekanan membesarkan anak dalam persekitaran kos yang semakin meningkat. Ini adalah petunjuk kepada negara untuk memikirkan lebih banyak insentif dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, serta sokongan keluarga agar generasi muda tidak terpinggir mahu pun tercicir.
- 3) Kurangnya Masa Bersama Keluarga: Ini mencerminkan cabaran terhadap keseimbangan kerja dan kehidupan. Kerajaan perlu menggalakkan persekitaran kerja yang menyokong kesejahteraan keluarga, seperti waktu kerja yang lebih fleksibel, kemudahan penjagaan anak, serta mewujudkan lebih banyak ruang rekreasi keluarga.
- 4) Melakukan Dua Pekerjaan: Fenomena ini menunjukkan ketidakstabilan dalam pendapatan isi rumah. Kerajaan perlu memastikan ekonomi dapat memberi peluang pekerjaan yang lebih baik dan memadai bagi rakyat, serta memperkenalkan program kemahiran dan latihan yang relevan dengan keperluan industri dan ekonomi gig.
- 5) Ketagihan Gajet: Ketagihan terhadap teknologi mencerminkan cabaran negara dalam menguruskan kemajuan digital. Kerajaan perlu menangani kesan sosial daripada penggunaan gajet yang berlebihan, terutama dalam kalangan generasi muda, dengan mendidik masyarakat mengenai penggunaan teknologi secara sihat.

Secara keseluruhannya, cabaran keluarga Malaysia ini adalah refleksi langsung kepada keadaan ekonomi negara pada tahun 2025.

Setiap permasalahan ini menuntut perhatian serius daripada pelbagai pihak, termasuk kerajaan, masyarakat, dan individu itu sendiri, untuk mencari jalan penyelesaian yang berkesan dalam mengurangkan beban yang dihadapi oleh setiap keluarga (isi rumah) di Malaysia.

Hanya dengan usaha bersama, kita dapat memastikan kehidupan yang lebih sejahtera untuk setiap keluarga pada tahun 2025 yang penuh mencabar ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : POLIS TUNGGU LAPORAN KIMIA SIASATAN MAYAT BAYI DIBUANG DI TANDAS LDP

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 2 JAN 2025

M/SURAT : 23

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Polis tunggu laporan kimia siasatan mayat bayi dibuang di tandas LDP

Subang Jaya: Polis masih menunggu laporan kimia bagi siasatan penemuan mayat bayi yang dibuang di tandas Plaza Tol Batu 14, Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) di sini, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, laporan kimia itu masih belum diperolehi dan siasatan lanjut masih dijalankan.

“Kes disiasat mengikut

Seksyen 318 Kanun Keseksaan dan masih menunggu laporan (kimia) itu bagi melengkapkan kertas siasatan,” katanya kepada Harian Metro, semalam.

Harian Metro sebelum

ini melaporkan mayat bayi dipercayai dilahirkan di tandas sebuah pusat beli-belah di Puchong dibuang di tandas Plaza Tol Batu 14, Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) di sini.

Kejadian terbongkar apabila remaja perempuan yang melahirkan bayi itu menerima rawatan di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang pada 18 Disember lalu selepas mengalami sakit perut dan demam.

Polis mengesahkan pasangan kekasih berusia 16 dan 19 tahun terbabit dalam kejadian itu dengan bayi berkenaan dipercayai dilahirkan dalam keadaan tidak cukup bulan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suami isteri warga Myanmar dituduh aniaya bayi 10 bulan hingga maut

Jenayah - Dicipta: 01 Januari 2025 03:42 PM - Kemas kini: 01 Januari 2025 03:42 PM



Gambar hiasan

KOTA BHARU, 1 Januari - Mahkamah Sesyen Kota Bharu hari ini, terpaksa menangguhkan prosiding kes membabitkan pasangan suami isteri warga Myanmar atas pertuduhan menganiaya seorang bayi lelaki berusia 10 bulan sehingga menyebabkan kematian.

Penangguhan itu dibuat susulan tertuduh, Munna Abdu Salam, dan isterinya Fatima Abul Hashim, tidak memahami Bahasa Melayu.

Susulan itu, Hakim, Ahmad Bazli Bahrudin menetapkan 9 Januari depan untuk pertuduhan dibacakan semula dengan kehadiran jurubahasa Myanmar.

Mengikut fakta kes, tertuduh melakukan penganiayaan terhadap seorang kanak-kanak lelaki sehingga menyebabkan kematian pada 17 Disember lalu, pukul 10.00 malam di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai.

Kedua-dua tertuduh, bakal berdepan pertuduhan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM20,000 atau penjara sehingga 10 tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Faiz Fitri Mohamad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Ahmad Faiz Fitri dalam penghujahannya tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap kedua-dua tertuduh berikutan mereka adalah warga asing.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



UM denies lecturer suspended for sexual harassment still on campus

By [Shahrul Shahabudin](#) - January 1, 2025 @ 1:51pm



Last week, UM suspended the lecturer pending an investigation into claims that he had sent inappropriate nude photos to students. NSTP/FILE PIC

KUALA LUMPUR: Universiti Malaya (UM) has denied allegations that a lecturer suspended for allegedly sexually harassing students has been visiting the campus.

In a statement, UM said no directive permitting the lecturer to access campus grounds had been issued.

"Our investigation (into the claims) found no evidence or witnesses to substantiate the matter."

The university also reminded the suspended lecturer to comply with the terms of the suspension, including the prohibition of campus visits.

"UM remains committed to ensuring the safety and security of everyone on campus, particularly our students," it said.

Previously, a UM student alleged that the lecturer had been seen on campus despite being suspended.

Last week, UM suspended the lecturer pending an investigation into claims that he had sent inappropriate nude photos to students.

The UM Feminism Club (UMFC) had earlier called on the university's management to tighten its sexual harassment policies.

This followed allegations that the lecturer shared nude photos with a student and that the images were printed and displayed on campus as a warning to other students, before being removed shortly after.